

# WARTA DELIMA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU 5  
JALAN JENIANG, 08300 GURUN, KEDAH DARUL AMAN  
TEL: 04-4680018 FAKS : 04-4680549  
Email : smkbtlima.ppdkmy@gmail.com

\*Untuk Edaran Dalam Sahaja

Bil. 2/2015

## Majlis Watikah Pelantikan Pengawas Oleh Jivayashine a/p Sures Rao (5 Sains)



MUHAMMAD ARIFF HAIQHAL MD PISOL mengetuai upacara bacaan ikrar.

SMK Batu 5, 15 Februari – Majlis Watikah Pelantikan Pengawas Sekolah, Pengawas Asrama, Pengawas Pusat Sumber, Ketua Tingkatan dan Penolong Ketua Tingkatan telah dijalankan dengan jayanya bertempat di Dewan Seri Delima.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran Tn. Hj. Abdullah Mohd Ali, Pegawai SIP+ dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Muda/Yan. Beliau telah berkongsi maklumat tentang cara-cara menjadi pemimpin yang berwibawa dan bertanggungjawab semasa menjalankan tugas yang diamanahkan oleh pihak sekolah.

Setelah upacara penyerahan watikah pelantikan, bacaan ikrar telah diadakan. Saudara Muhammad Ariff Haiqhal Md Pisol, Ketua Pengawas SMK Batu 5 sesi 2015 telah memimpin bacaan ikrar pengawas dengan penuh bersemangat.

## Kejohanan Sukan dan Balapan MSSD Kuala Muda/Yan 2015

Oleh Muhammad Ariff Haiqhal Md Pisol (5 Sains)

Kejohanan Balapan dan Padang MSSK Daerah Kuala Muda/Yan Kali ke-14 Tahun 2015 telah berlangsung dengan jayanya di SMK Tunku Ismail dari 25 Februari hingga 28 Februari yang lalu.

SMK Batu 5 telah turut memeriahkan kejohanan ini dengan menghantar peserta kontinjen perbarisan

yang terdiri daripada 30 peserta yang diketuai oleh Muhammad Shazmin Shamsuddin dari Tingkatan 5K2.

Dalam kejohanan ini, Nurul Faraziela Mohd Zaki dari Kelas 1A4 telah memperoleh satu pingat perak dan satu pingat gangsa dalam acara 100 meter berpagar dan acara 400 meter.

Tuan Puteri Maisarah Tuan Razmi dari Kelas 4KJ memperoleh pingat perak dalam acara lontar peluru, manakala Nur Fatin Najwa dari Kelas 4K3 pula memperoleh satu pingat gangsa dalam acara yang sama.

## Program Remaja Berwawasan Oleh Intan Nurani Maznan (5 Sains)



PESERTA PROGRAM REMAJA BERWAWASAN sedang mengikuti latihan kecergasan di padang sekolah.

SMK Batu 5 – Sebanyak 40 orang pelajar lelaki tingkatan 2 hingga tingkatan 5 telah terpilih untuk menyertai Program Remaja Berwawasan Tahun 2015.

Menurut Kaunselor sekolah, Pn Fuziah Ismail dan Cik Fazirah Awang, program ini bermatlamat untuk mendisiplinkan pelajar supaya menjadi remaja yang berwawasan, mewujudkan sikap bekerjasama antara satu sama lain dan mempunyai matlamat hidup yang jelas.

Program yang bermula pada bulan Februari dan dijangka berakhir pada bulan November ini dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Program ini merupakan salah satu daripada program Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* yang melibatkan kerjasama antara KPM dan ATM.

## Kejohanan Merentas Desa Kali ke-14 Tahun 2015

Oleh **Haziq Naqiuddin Md Suhaimi (3A3)**



**PARA PESERTA MERENTAS DESA** begitu bersemangat ketika memulakan larian.

SMK Batu 5, 3 Mac – Kejohanan Merentas Desa Kali ke-14 Tahun 2015 telah berlangsung dengan jayanya.

Kategori perempuan Kelas 3 dimenangi oleh Nurul Faraziela Mohd Zaki dari rumah Naza. Johan kategori perempuan Kelas 2 pula dimenangi oleh Athenmoli a/p Letchumanan dari rumah Petronas. Johan kategori perempuan Kelas 1 dimenangi oleh Eswary a/p Perumal dari rumah Petronas.

Kategori lelaki Kelas 3 dimenangi oleh Muhd Syazwan Zainol dari rumah Modenas. Bagi kategori lelaki Kelas 2 pula, johan dimenangi oleh Tan Wei Liang dari rumah Perwaja. Kategori lelaki Kelas 1 dimenangi oleh Mohd Yusri Hakimi Othman dari rumah Modenas.

Rumah Modenas telah dinobatkan sebagai johan dalam kejohanan merentas desa pada tahun ini. Naib johan ialah rumah Petronas, tempat ketiga ialah rumah Naza dan rumah Perwaja hanya meraih tempat keempat.

Pengetua SMK Batu 5, Pn. Hajjah Rosidah Musa telah menyampaikan pingat dan piala kepada peserta yang berjaya. Kejohanan merentas desa ini berakhir pada pukul 12.30 tengah hari.

### SMK Batu 5 Terbakar Lagi!

Oleh **Muhammad Adlan Abd Razak (3A2)**

SMK Batu 5, 26 Februari – Bilik elektrik yang terletak di tingkat bawah, Blok C telah terbakar sehingga memaksa semua pelajar bergegas meninggalkan kelas masing-masing untuk berkumpul di tempat yang selamat di padang sekolah.

Kebakaran yang mula disedari pada pukul 8.45 pagi ini dikatakan berpunca daripada litar pintas.

Kebakaran dapat dikawal setelah 4 orang anggota Unit Pemadam dari Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat dihantar untuk memadamkan api yang mula merebak di bilik tersebut.

Mujurlah kejadian tersebut hanyalah suatu latihan dalam Kawad Kecemasan Kebakaran yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kawad Kecemasan Kebakaran dan Keselamatan sekolah.



**PN ZARINI AHMAD** diberi peluang menggunakan alat pemadam api dalam demonstrasi yang dikendalikan oleh pegawai bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Guar Chempedak.

Latihan ini disusuli dengan demonstrasi penggunaan alat pemadam api mudah alih dan ceramah ringkas tentang pencegahan kebakaran yang disampaikan oleh Tuan Safuwan Md Saad, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Guar Chempedak.

Menurut Pn. Zarini Ahmad, PK Hal Ehwal Murid SMK Batu 5, objektif Kawad Kecemasan Kebakaran ini diadakan adalah untuk melatih pelajar agar mereka dapat bertindak dengan tenang dan teratur semasa berlaku kecemasan di sekolah.

### Mesyuarat Agung PIBG Kali Ke-20

Oleh **Siti Rokiah Mohd Norizan, Nur Ain Sofi Sohion dan Nur Fasihah Azmi (5K2)**

Mesyuarat Agung PIBG Kali Ke-20 telah berlangsung dengan jayanya pada 28 Februari yang lalu di Dewan Seri Delima, SMK Batu 5.

Sebelum mesyuarat berlangsung, sesi ceramah keibubapaan telah disampaikan oleh En. Abdul Latif Hat, kaunselor dari SMK Taman Ria Jaya, Sungai Petani.

Antara agenda penting yang dibincangkan dalam mesyuarat kali ini ialah pembentangan laporan aktiviti PIBG sepanjang tahun 2014, pembentangan penyata kewangan, membahaskan usul dan cadangan dan pelantikan AJK PIBG sesi 2015/2017.

Mesyuarat yang tamat pada pukul 12.00 tengah hari ini diakhiri dengan acara cabutan bertuah.